

# **PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB: KAJIAN KES DI UITM CAWANGAN MELAKA**

Anuar bin Sopian<sup>1</sup>, Prof Madya Dr. Hjh Salmah binti Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka  
[anuar\\_09@melaka.uitm.edu.my](mailto:anuar_09@melaka.uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia  
[salni@ukm.my](mailto:salni@ukm.my)

## **ABSTRAK**

Kajian ini merupakan kajian kes satu tempat dan pelbagai kes. Data kajian ini diperoleh secara kuantitatif iaitu dengan menggunakan soal selidik dan juga secara kualitatif iaitu menggunakan teknik pemerhatian dan temu bual. Data-data kualitatif digunakan sebagai data sokongan dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk melihat tiga perkara utama iaitu kesediaan pensyarah bahasa Arab, kesediaan pelajar dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UiTM Cawangan Melaka. Data kajian kuantitatif diproses secara manual bagi mendapatkan frekuensi. Dapatan kajian menunjukkan majoriti pensyarah berminat dan bersedia untuk mengajarkan bahasa Arab. Mengikut persepsi pensyarah, para pelajar juga bersedia untuk belajar dan para pensyarah tidak menghadapi masalah dalam pengajaran Bahasa Arab. Kajian juga menunjukkan majoriti pensyarah yang mengajar Bahasa Arab adalah berkelayakan dan berpengalaman.

**Kata kunci :** Komunikasi dan bahasa Arab, pelaksanaan, pengajaran, pembelajaran,

## **ABSTRACT**

This study is a case study of place and a variety of cases. Data obtained by quantitative study, using questionnaires, a qualitative survey and the use of observation and interview techniques. Qualitative data was also used in this study. This study aims to look at three key areas of readiness Arabic lecturer, student preparation and implementation of teaching and learning of Arabic in UiTM Malacca Branch. Quantitative data are processed manually to obtain frequencies. The findings showed that the majority of lecturers are interested and willing to teach Arabic. By lecturer, students are also willing to learn and lecturers had no problems in the teaching of Arabic. The study also showed that the majority of lecturers who teach Arabic is qualified and experienced.

**Keywords:** Communication and Arabic, implementation, teaching, learning,

## PENDAHULUAN

Setiap bahasa mempunyai fungsi dan perencanaan yang tersendiri bagi setiap bangsa dan masyarakat. Fungsi bahasa adalah sebagai alat komunikasi dan sebagai penghubung dalam pergaulan manusia sehari-hari, sama ada antara individu dengan individu, individu dengan masyarakat, dan masyarakat dengan bangsa tertentu (Yusuf, 1997). Begitu juga keadaannya bahasa Arab, selain berfungsi sebagai alat komunikasi di antara manusia, ia juga ditakdirkan sebagai bahasa al-Quran. Bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran di dalamnya mengandungi *uslub* bahasa yang sangat mengagumkan manusia, ia juga memiliki nilai sastra yang bermutu tinggi bagi mereka yang mengetahui dan mendalaminya, yang dapat dipelajari melalui ilmu *balaghah* (ilmu sastra). Bahasa Arab dan al-Quran mempunyai hubungan yang sangat erat. Mempelajari bahasa Arab adalah syarat untuk menguasai kandungan al-Quran. Mempelajari bahasa al-Quran bererti mempelajari bahasa Arab (Yusuf, 1997). Peranan bahasa Arab di samping sebagai alat komunikasi sesama manusia, ia juga merupakan komunikasi manusia beriman kepada Allah SWT dalam bentuk solat, doa dan sebagainya. Bahasa Arab juga telah dijadikan sebagai bahasa rasmi dunia. Penekanan dan perhatian yang sewajarnya berkaitan model pembelajarannya bermula dari sekolah rendah sehinggalah pengajian tinggi perlulah dipertingkatkan supaya objektif pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi membolehkan pelajar menguasai bahasa ini dalam aspek percakapan dan penulisan tercapai.

Bahasa Arab sebenarnya mempunyai nilai komersial yang tinggi dan berdaya saing serta mampu menandingi bahasa dunia lain seperti bahasa Inggeris, Perancis, Rusia dan sebagainya. Nilai ekonomi yang terdapat pada bahasa Arab membolehkannya diiktiraf sebagai salah satu bahasa utama dan terpenting di dunia serta telah menarik ramai orang mempelajarinya. Bagi umat Islam, bahasa Arab adalah bahasa perpaduan dan penyatuan. Walaupun tidak semua negara Islam menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi, namun begitu bahasa Arab tetap memainkan peranan penting di dalam sistem pemerintahan negara dan struktur masyarakat terutamanya di kalangan negara anggota OIC. Melalui medium bahasa Arab juga negara Islam diseluruh dunia dapat mewujudkan kerjasama dan perkongsian ekonomi, teknologi, ketenteraan, pendidikan dan sebagainya secara yang lebih akomodatif dan progresif bagi mendepani segala anasir-anasir negatif yang boleh mengganggu kestabilan Islam.

Dewasa ini, keperluan untuk menguasai bahasa Arab sebagai salah satu bahasa dunia sering sahaja diperkatakan (Taha, 2007). Oleh itu, sebagai salah satu universiti yang terbesar di Malaysia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah meletakkan bahasa Arab sebagai salah satu kursus keperluan universiti, sebaris dengan bahasa-bahasa asing yang lain. Para pelajar Ijazah Sarjana Muda di UiTM perlu memilih salah satu bahasa ketiga yang ditawarkan dan mengikutinya selama tiga semester. Kursus ini diperuntukkan sebanyak dua jam kredit yang menyamai dua jam temu seminggu pada setiap semester. Selama tiga semester, para pelajar mengikuti kelas bahasa ketiga sebanyak enam jam kredit bersamaan dengan 84 jam temu, iaitu 28 jam temu bagi setiap semester. Manakala bagi pelajar diploma pula, terdapat sedikit perbezaan, para pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pengajian Perniagaan, jika mereka memilih bahasa Arab, mereka perlu mempelajarinya selama dua semester. Kursus ini memperuntukkan sebanyak empat jam kredit menyamai empat jam seminggu pada setiap semester. Manakala pelajar yang mengikuti kursus Diploma Pelancongan pula, jika mereka memilih bahasa Arab, mereka perlu mempelajarinya selama empat semester. Kursus ini juga memperuntukkan sebanyak empat jam kredit menyamai empat jam seminggu pada setiap semester (*The Academic Affairs Division*, 2009). Oleh itu, pensyarah bahasa Arab, terutamanya para pensyarah UiTM memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan para pelajar mereka dalam penguasaan bahasa Arab.

## KAJIAN LITERATUR

Pensyarah merupakan satu elemen penting dalam proses pembelajaran. Mereka menentukan hala tuju pembelajaran selari dengan objektif yang telah ditetapkan, malah menjadi model pembelajaran yang penting kepada pelajar (Rhee & Pintrich, 2004). Oleh itu, penilaian pensyarah merupakan satu perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan baik. Penilaian pensyarah dalam konteks pembelajaran bahasa boleh dilihat dari tiga sudut iaitu, pertama; kemahiran mereka dalam mengajar bahasa (pedagogi), kedua; kemahiran mereka dalam menguasai selok belok bahasa yang diajar dan ketiga; personaliti mereka (Abdul Aziz, 2000). Kemahiran pensyarah mengajar bermaksud mereka mengetahui serta menguasai teknik dan kaedah pengajaran bahasa supaya ia mudah difahami seterusnya dikuasai oleh pelajar. Selain daripada itu, mereka juga perlu mempunyai daya kreativiti yang tinggi serta kualiti suara yang baik. Sikap dan personaliti mereka boleh menjadikan pengajaran dan pembelajaran bahasa menyeronokkan (Abdul Aziz, 2000). Mereka juga perlu mempunyai unsur humor untuk mengekalkan pembelajaran dan fokus pelajar (Cajkler & Addelman, 2000).

Selain itu, menurut Roberts (1998), pensyarah bahasa perlu mempunyai dan membangunkan enam perkara berkaitan ilmu pengetahuan iaitu berkaitan dengan kandungan (*content*), kandungan pedagogi, pedagogi am, kurikulum, konteks, dan proses. Pengetahuan tentang kandungan meliputi pengetahuan tentang bahasa sasaran dan sistem manakala kandungan pedagogi berkaitan dengan pengetahuan aspek bahasa yang hendak diajarkan termasuklah aspek penyampaian kandungan tersebut dari segi aspek mana yang perlu didahulukan. Pengetahuan pedagogi am berkaitan dengan kemahiran pengurusan kelas termasuklah penggunaan aktiviti yang sesuai serta penggunaan bahan pembelajaran, pengawasan, maklum balas serta penilaian. Pengetahuan tentang kurikulum melibatkan kesedaran tentang bahan pembelajaran yang ada dan bentuk peperiksaan (Ghazali Yusri, 2010)

Selanjutnya, dalam konteks UiTM, menurut Norhayuza, Naimah, Sahabudin & Ibrahim, (2004) secara umum menyatakan bahawa pelajar UiTM masih lemah dalam kemahiran lisan bahasa Arab. Kelemahan ini boleh dikaitkan dengan pelbagai faktor. Antaranya ialah penggunaan strategi pembelajaran sendiri dalam kalangan pelajar. Beberapa kajian telah dilakukan sebelum ini bagi melihat tahap penggunaan strategi ini dalam konteks pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab di UiTM seperti sikap (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010) serta motivasi dan kebimbangan ujian (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010). Walaupun begitu, kajian-kajian ini didapati tidak mengkaji penggunaan strategi belajar bersama-sama rakan dalam kalangan pelajar, sedangkan strategi ini telah dikenal pasti menyumbang kepada kejayaan pembelajaran (Ohta & Nakaone, 2004; Yoshida, 2008)

Kajian Azman et al. (2005) pula, menunjukkan bahawa minat mempelajari bahasa Arab wujud dalam kalangan pelajar yang mengambil bahasa Arab di UiTM Terengganu dan Kolej Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Dapatan ini selari dengan kajian sebelumnya seperti Ab. Rahim (2004) dan kajian selepasnya seperti Ainol dan Isarji (2009). Namun begitu, pendorong utama mereka mempelajari bahasa Arab ialah kerana tiada pilihan lain. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa masalah utama yang menjadi kesukaran mempelajari bahasa Arab ialah nahu bahasa Arab. Manakala aspek-aspek lain bahasa Arab tidak menjadi masalah besar kepada kebanyakan pelajar. Bagi kebanyakan pelajar, mereka berpuas hati dengan tenaga pengajar yang disediakan baik di UiTM mahupun KUSZA.

Jika dilihat kepada latar belakang pengalaman pembelajaran pelajar yang mengambil bahasa Arab di UiTM, adalah berbeza dan pelbagai. Terdapat pelajar yang sudah menamatkan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat kolej, ramai yang sudah mempelajarinya pada peringkat sekolah menengah dan rendah, serta ada juga yang belum

pernah mempelajarinya sebelum ini. Sistem pembelajaran di UiTM tidak membezakan kelompok-kelompok pelajar ini di dalam kelas. Peperiksaan penempatan tidak dilakukan sebelum kelas bermula. Oleh itu, kelas bahasa menggabungkan semua pelajar dari latar belakang yang berbeza. Kepelbagaian pelajar mempengaruhi penguasaan mereka dalam kemahiran lisan bahasa Arab sebagaimana yang dinyatakan oleh Teori Causal Attributional (Pintrich & Schunk, 1996).

Selain itu tahap kepercayaan pelajar untuk menguasai bahasa Arab di UiTM secara umum masih lagi berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, beberapa penambahbaikan terhadap pembelajaran kemahiran lisan bahasa Arab telah dicadangkan. Antaranya, meletakkan matlamat pembelajaran berdasarkan kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri pelajar yang berbeza-beza dan menggunakan bahan pembelajaran yang autentik. (Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah dan Ahmed Thalal Hassan, 2011)

Menurut Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi dan Parilah M. Shah (2010) bahawa sikap pelajar adalah positif terhadap pembelajaran bahasa Arab sama ada dari segi kognitif, afektif dan konatif. Faktor ini penting kerana ia memberi kesan positif terhadap proses pembelajaran pelajar. Namun, terdapat aspek-aspek yang perlu diperbaiki terutama apabila membabitkan kelas yang mempunyai pelajar yang berbeza latar belakang pengalaman bahasa Arab. Kajian ini mencadangkan agar kelas yang berbentuk kolaboratif dan pembelajaran aktif antara pelajar perlu dipupuk agar kewujudan pelajar yang ada asas di dalam kelas menjadi satu faktor positif yang membantu pembelajaran. Selain itu, pendekatan di dalam kelas juga perlu mengambil kira kewujudan pelajar yang tiada asas supaya mereka tidak merasa tertekan semasa belajar selain merasa rendah diri, malu dan hilang rasa ingin menggunakan bahasa Arab khususnya secara lisan. Pensyarah juga selain menguasai ilmu bahasa Arab, mereka juga perlu menguasai ilmu kemahiran mengajar atau pedagogi supaya penyampaian mereka selari dengan keperluan pelajar yang berbeza-beza.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UiTM Cawangan Melaka. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjawab lima soalan kajian yang disediakan.

### **Soalan-soalan Kajian**

Kajian ini menyediakan lima soalan kajian iaitu ;

#### **Soalan kajian pertama :**

Adakah pensyarah-pensyarah bahasa Arab mempunyai kelayakan untuk mengajar bahasa Arab?

#### **Soalan kajian kedua:**

Adakah pensyarah-pensyarah bahasa Arab bersedia untuk mengajar bahasa Arab?

#### **Soalan kajian ketiga:**

Adakah pelajar-pelajar bersedia untuk belajar bahasa Arab?

#### **Soalan kajian keempat:**

Adakah pensyarah-pensyarah bahasa Arab menghadapi masalah dalam pengajaran bahasa Arab?

**Soalan kajian kelima:**

Apakah masalah yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah bahasa Arab?

**Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pihak tertentu khususnya yang terlibat secara langsung ataupun secara tidak langsung dengan pengajaran bahasa Arab di UiTM khususnya dan di IPTA lain amnya. Kajian ini dapat dimanfaatkan oleh pengurusan universiti dalam merancang pengambilan pensyarah bagi mengajar bahasa ini. Selain itu pihak pengurusan juga perlu mengambil kira pengkhususan pensyarah bagi mengajar subjek ini supaya para pensyarah yang ditugaskan untuk mengajar subjek ini merupakan pensyarah yang berkelayakan dan mempunyai pengetahuan yang luas.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu para pensyarah untuk menilai kesediaan diri mereka sebelum sesuatu pengajaran dilaksanakan. Selain itu, mereka juga diharap dapat menilai dan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar-pelajar mereka. Aspek-aspek kekuatan dan kelemahan ini diharap dapat membantu pensyarah merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Para pensyarah diharap dapat menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran, objektif dan isi pelajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan bahasa pelajar.

**DEFINISI ISTILAH**

**Pelaksanaan**

Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP] (1994) mendefinisikan “pelaksanaan” sebagai perihal atau perbuatan melaksanakan, menjalankan atau mengusahakan sesuatu rancangan, tugas dan sebagainya. Dalam konteks kajian ini, pelaksanaan merujuk kepada rancangan dan tugas yang telah dilaksanakan oleh pensyarah semasa menyampaikan pengajaran bahasa Arab. Pelaksanaan pengajaran dilihat bermula dari langkah set induksi sehingga langkah penutup sesuatu pengajaran.

**Pengajaran**

Konsep pengajaran dijelaskan dengan pelbagai definisi (Sharifah Alwiah, 1983; Teuku Iskandar, 1986; Yaxley, 1991). Sharifah Alwiah menganggap pengajaran sebagai aktiviti atau proses kerana apabila mengajar, aktiviti seperti menyoal, menerangkan, mendengar, menggalakkan sesuatu, dan berbagai-bagai aktiviti lain akan berlaku. Sharifah Alwiah juga menganggap pengajaran sebagai suatu proses komunikasi walaupun tidak semua aktiviti pengajaran merupakan komunikasi antara guru dengan pelajar. Yaxley berpendapat, pengajaran merupakan satu tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna. Yaxley juga melihat pengajaran sebagai aktiviti intelek yang melibatkan pemikiran, perasaan dan penilaian. Selain itu, pengajaran juga boleh dimaksudkan sebagai perbuatan mengajar atau apa-apa yang diajarkan (DBP, 1985) atau perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar atau aspek yang dipentingkan dan sebagainya (Teuku Iskandar, 1986). Konsep pengajaran dalam konteks kajian ini merangkumi pengertian yang dikemukakan oleh Sharifah Alwiah (1983), Teuku Iskandar (1986) dan Yaxley (1991).

Pengajaran melibatkan aktiviti mengajar yang dilakukan oleh pensyarah semasa menyampaikan isi kandungan pelajaran pada hari yang berkenaan.

### **Pembelajaran**

Pembelajaran adalah proses atau kegiatan belajar (Teuku Iskandar, 1986) yang berlaku dalam pelbagai bentuk (Schunk, 1991). Menurut Schunk, pembelajaran melibatkan pemerolehan dan pengubahsuaian pengetahuan, kemahiran, strategi, kepercayaan dan tingkah laku. Pembelajaran juga merupakan perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman (Evans & Brueckner, 1990; Gagne, 1985). Bagi Gagne, pembelajaran merupakan perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang. Dalam kajian ini, konsep pembelajaran dipadankan dengan aktiviti dan penglibatan pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

### **Bahasa Arab**

Bahasa Arab adalah satu-satunya bahasa utama di seluruh dunia Arab iaitu Mesir, Sudan, Libya, Tunisia, Maghribi, Algeria, Arab Saudi dan selainnya. Malah ia merupakan bahasa utama negara-negara bukan Arab seperti Republik Chad di Mrika Tengah dan bahasa minoriti di Negara seperti Nigeria, Iran dan Soviet Union (Bernard Comrie 1998:24). Bahasa Arab juga adalah bahasa ilmu yang telah digunakan sejak 1400 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan Islam. Perbendaharaan tamadun Islam memerlukan pengetahuan bahasa Arab yang baik untuk menerokainya termasuklah dalam ilmu *Balaghah*. Ia juga menjadi bahasa kedua atau dipelajari sebagai bahasa asing di kebanyakan negara yang mempunyai penduduk beragama Islam dan bahasa tersebut juga diiktiraf sebagai bahasa rasmi perhubungan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Ab.Gani Bin Jalil, 2000).

## **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kes satu tempat dan pelbagai kes (Yin, 1989). Kajian ini melibatkan 6 orang responden iaitu pensyarah-pensyarah bahasa Arab yang mengajar di UiTM Cawangan Melaka.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Kaedah kuantitatif digunakan bagi mendapatkan data tentang kesediaan pensyarah, kesediaan pelajar dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Data tersebut diperoleh secara triangulasi iaitu menggunakan soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Data kuantitatif diproses untuk mendapatkan frekuensi dan peratusan sementara data kualitatif diproses untuk menyokong data kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian. Pengkaji menyediakan nota lapangan semasa pemerhatian khususnya perkara-perkara yang melibatkan aktiviti pelajar. Data daripada nota lapangan, temu bual dan pemerhatian ini digunakan sebagai data sokongan kepada data kuantitatif yang dikemukakan dalam laporan kajian ini.

## **LOKASI KAJIAN**

Kajian ini dijalankan di UiTM Cawangan Melaka. Pemilihan UiTM Cawangan Melaka sebagai lokasi kajian dibuat dengan mengambil kira pandangan Marshall dan Rossman (1995) yang menggariskan empat perkara yang perlu diberi perhatian, iaitu:

- (i) Tiada halangan untuk menjalankan kajian. Dalam hal ini, pengkaji mendapati pensyarah-pensyarah telah memberikan kerjasama yang baik. Pihak pengurusan dan responden memberikan persetujuan untuk pengumpulan data.
- (ii) Mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk melaksanakan proses pengumpulan data dengan baik, serta wujudnya minat dan kerjasama daripada responden. Dalam hal ini pengkaji yakin dapat memperoleh data yang diperlukan untuk kajian ini kerana pengkaji mendapat kerjasama yang baik daripada pihak pentadbir UiTM Cawangan Melaka dan semua responden. Responden memberikan kerjasama semasa pengajaran, temu bual dan pemerhatian, dan juga semasa menjawab soal selidik.
- (iii) Berkemampuan untuk membina hubungan percaya mempercayai dengan responden. Dalam hal ini pengkaji berjaya mewujudkan suasana kemesraan serta saling mempercayai, hormat-menghormati dan sentiasa bersedia untuk berbincang. Pengkaji telah memaklumkan kepada responden tujuan soal selidik dan juga tujuan kajian ini dijalankan.
- (iv) Berkeyakinan boleh mendapatkan data yang berkualiti dan mempunyai kredibiliti untuk tujuan kajian. Dalam hal ini, responden yang dipilih merupakan pensyarah-pensyarah yang mengajar bahasa Arab di universiti berkenaan. Pensyarah-pensyarah yang mengajar kursus lain tidak terlibat dalam kajian ini.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Satu set soal selidik disediakan dan soal selidik ini dijawab oleh responden. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, Bahagian B berkenaan dengan kesediaan guru, Bahagian C berkaitan dengan kesediaan murid dan Bahagian D berkenaan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Bahagian A mengandungi enam soalan, Bahagian B mengandungi lima soalan, Bahagian C pula lima soalan dan Bahagian D juga lima soalan.

## **PROSEDUR PENGUMPULAN DATA**

Pengumpulan data dilakukan secara triangulasi iaitu menggunakan soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden, pengkaji terlebih dahulu menemu bual responden bagi mendapatkan pandangan awal responden tentang kajian ini. Selepas mendapat pandangan yang positif dan mendapat kerjasama daripada responden, pengkaji mengedarkan soal selidik kepada responden. Selain itu, pengkaji juga

membuat pemerhatian terhadap pengajaran yang dijalankan oleh responden. Semasa pemerhatian, pengkaji menyediakan nota lapangan iaitu catatan yang berkaitan dengan aktiviti dan penglibatan pelajar semasa aktiviti. Data yang diperolehi melalui temu bual ini dikumpul dan dianalisis selaras dengan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik.

## **PROSEDUR PENGANALISISAN DATA**

Data kuantitatif dianalisis untuk mendapatkan frekuensi. Data ini diproses secara manual kerana jumlah item yang dikemukakan dalam soal selidik tidak begitu banyak. Sementara itu, data kualitatif dianalisis mengikut tema-tema yang ditetapkan; yang diselaraskan dengan soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik. Penyelerasan ini dilakukan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan unit analisis yang dapat menyokong data kuantitatif yang dikemukakan dalam laporan.

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **Profil Responden**

**Jadual 1: Profil Responden**

<b>Butiran</b>			<b>kekerapan</b>
Jantina	Lelaki		3
	Perempuan		3
Kelulusan akademik	SPM		-
	STPM		-
	Ijazah pertama		-
	Master/sarjana		6
	Phd		-
Pengalaman mengajar B Arab	6 – 10 tahun		3
	11–15 tahun		3
	Tiada		-
Pengkhususan	Bahasa Arab		6
	Pengajian Islam		-
	Usuluddin		-
	Syariah		-
Bilangan kelas yang diajar	1-3 kelas		-
	4-5 kelas	2	
	5 kelas ke atas		4

Kajian ini melibatkan enam orang pensyarah bahasa Arab yang terdiri daripada tiga orang pensyarah lelaki dan tiga orang pensyarah perempuan. Jadual 1 kesemua responden berkelulusan master (sarjana). Dari segi pengalaman mengajar, 3 orang responden telah 11



hingga 15 tahun mengajar sementara 3 orang lagi berpengalaman selama 6 hingga 10 tahun. Seterusnya, Jadual 1 juga menunjukkan kesemua responden mempunyai pengkhususan dalam bahasa Arab. Bagi bilangan kelas yang diajar, didapati 2 orang responden mengajar sebanyak 4 hingga 5 kelas manakala 4 orang responden pula mengajar lebih dari 5 kelas.

### **Kesediaan Pensyarah**

Jadual 2 adalah untuk mengenalpasti kesediaan pensyarah bahasa Arab dalam pengajaran bahasa Arab.

**Jadual 2: Kesediaan pensyarah**

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>FREKUANSI PERATUS (%)</b>				
		<b>SS</b>	<b>S</b>	<b>KP</b>	<b>TS</b>	<b>STS</b>
1.	Saya berminat mengajar bahasa Arab	6 (100)	-	-	-	-
2.	Dapat membantu murid dalam bahasa Arab	6 (100)	-	-	-	-
3.	Saya yakin dalam mengajar bahasa Arab	6 (100)	-	-	-	-
4.	Saya terpaksa belajar bahasa Arab untuk mengajar bahasa Arab	-	-	-	1 (17)	5 (83)
5.	Saya merasakan mengajar bahasa Arab ini membebankan	-	-	-	-	6 (100)
6.	Saya mengajar bahasa arab disebabkan tiada pilihan lain	-	-	-	-	6 (100)
7.	Saya memerlukan persediaan awal untuk mengajar bahasa Arab	4 (66)	-	-	1 (17)	1 (17)

Jadual 2 menunjukkan 6 orang (100%) responden bersetuju dengan kenyataan mereka berminat mengajar bahasa Arab. Data juga menunjukkan bahawa 6 orang (100%) responden bersetuju dengan kenyataan bahawa mereka dapat membantu murid dalam mempertingkatkan bahasa Arab. Seterusnya, kesemua 6 orang responden (100%) bersetuju bahawa mereka berasa yakin untuk mengajar bahasa Arab. Dalam item yang lain pula, data menunjukkan bahawa 6 orang (100%) responden tidak bersetuju bahawa mereka terpaksa belajar bahasa Arab untuk tujuan mengajar murid-murid mereka. Walau bagaimanapun, semua responden (100%) menganggap mengajar bahasa Arab bukanlah suatu tugas yang membebankan mereka. Sekiranya diberi pilihan, semua responden masih berminat untuk mengajar bahasa Arab. Dari segi persediaan, 4 orang responden (66%) bersetuju, bahawa untuk mengajar bahasa Arab memerlukan persediaan awal. Namun 2 orang (34%) beranggapan bahawa mereka tidak memerlukan persediaan awal untuk mengajar bahasa Arab.

## Kesediaan Pelajar

Jadual 3 adalah untuk mengenalpasti kesediaan pelajar bahasa Arab dalam pembelajaran bahasa Arab.

**Jadual 2: Kesediaan pelajar**

BIL	ITEM	FREKUANSI PERATUS (%)				
		SS	S	KP	TS	STS
1.	Tidak minat bahasa Arab	-	1	4	1	
				(17)	(66)	(17)
2.	Majoriti lemah bahasa Arab	-	5	-	1	-
			(83)		(17)	
3.	Majoriti belum kenal huruf-huruf Arab	-	-	1	3	2
				(17)	(50)	(34)
4.	Majoriti belum kenal apa itu <i>isim</i>	-	6	-	-	-
	(100)					
5.	Majoriti belum kenal apa itu <i>fi'il</i>	1	5	-	-	-
		(17)	(83)			
6.	Majoriti tidak boleh <i>tasrif fi'il madhi</i>	2	4	-	-	-
		(34)	(66)			
7.	Majoriti tidak boleh <i>tasrif fi'il mudhari'</i>	2	4	-	-	-
	(34)	(66)				
8.	Majoriti tidak boleh membezakan antara <i>Fi'il madhi</i> dan <i>fi'il mudhari'</i>	2	4	-	-	-
		(34)	(66)			
9.	Majoriti belum dapat membuat ayat-ayat Mudah dalam bahasa Arab	-	4	1	1	-
			(66)	(17)	(17)	
10.	Majoriti pelajar boleh membaca perkataan Arab dengan baik	-	4	1	1	-
			(66)	(17)	(17)	
11.	Majoriti pelajar boleh menulis perkataan Arab dengan baik	-	3	1	2	-
			(50)	(17)	(33)	
12.	Aktif dalam aktiviti	1	4	-	1	-
		(17)	(66)		(17)	
13.	Pelajar suka bertanya	-	3	-	3	-
			(50)		(50)	
14.	Pelajar sukar menjawab	-	2	-	4	-
			(34)		(66)	
15.	Pelajar bertanya apabila ada masalah	5	-	-	1	-
		(83)			(17)	

Jadual 3 di atas menunjukkan kesediaan pelajar UiTM Cawangan Melaka dalam matapelajaran Bahasa Arab menurut persepsi responden. Daripada jadual itu didapati majoriti pelajar berminat mempelajari bahasa Arab. 5 orang responden (83%) bersetuju bahawa murid-murid mereka berminat mempelajari bahasa Arab kecuali seorang responden yang kurang pasti. Responden juga bersetuju bahawa pelajar-pelajar secara majoritinya lemah dalam bahasa Arab. 5 orang responden (83%) kecuali seorang responden (17%) yang tidak bersetuju menyatakan muridnya lemah dalam bahasa Arab. Selain itu, 5 orang responden (83%) bersetuju bahawa majoriti murid mereka telah mengenal huruf. Melainkan seorang responden (17%) yang kurang pasti. Seterusnya keseluruhan responden (100%) bersetuju majoriti pelajar tidak mengenal apa itu *isim*. Keseluruhan responden juga bersetuju bahawa pelajar-pelajar mereka tidak kenal apa itu *fi'il*. Seterusnya keseluruhan responden juga bersetuju pelajar-pelajar tidak boleh *tashrif fi'il madhi, fi'il mudhari'* dan tidak dapat membezakan antara kedua-dua *fi'il* tersebut. 4 orang responden (66%) bersetuju para pelajar masih belum dapat membuat ayat-ayat mudah dalam bahasa Arab. Melainkan seorang (17%) kurang pasti manakala seorang responden (17%) berpendapat pelajarnya sudah dapat membuat ayat-ayat mudah dalam bahasa Arab. Selain itu majoriti responden iaitu 4 orang (66%) bersetuju pelajar-pelajar boleh membaca perkataan-perkataan Arab dengan baik melainkan seorang responden (17%) yang kurang pasti manakala seorang lagi (17%) berpendapat bahawa pelajarnya tidak dapat membaca perkataan Arab dengan baik. Berkaitan dengan menulis perkataan-perkataan Arab pula, 3 orang responden (50%) bersetuju para pelajar dapat menulis perkataan Arab dengan baik melainkan seorang responden (17%) yang kurang pasti dengan kenyataan tersebut manakala 2 orang responden (33%) berpendapat bahawa para pelajar mereka tidak dapat menulis perkataan Arab dengan baik. Kesemua responden (100%) bersetuju bahawa pelajar mereka aktif dalam aktiviti yang dilakukan di dalam kelas. Selain itu 3 orang responden (50%) berpendapat bahawa para pelajar suka bertanya di dalam kelas jika tidak memahami apa yang di ajar pensyarah melainkan 3 orang responden (50%) yang berpendapat para pelajar tidak suka bertanya di dalam kelas. Majoriti responden iaitu 4 orang (66%) tidak bersetuju para pelajar sukar untuk menjawab soalan yang diajukan di dalam bahasa Arab melainkan 2 orang (33%) yang bersetuju para pelajar sukar untuk menjawabnya. Majoriti responden (83%) bersetuju bahawa para pelajar hanya akan bertanya jika mereka menghadapi masalah sahaja.

**Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab**

**Jadual 4: Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Arab**

BIL	ITEM	FREKUANSI PERATUS (%)				
		SS	S	KP	TS	STS
1.	Masalah mengawal kelas	-	-	1	3	2
					(66)	(34)
2.	Sukar merancang pengajaran	-	-	-	2	4
					(34)	(66)
3.	Tidak ada masa untuk merancang Pengajaran	-	-	-	3	3
					(50)	(50)
4.	Tidak merancang pengajaran	-	-	-	2	4
					(34)	(66)
5.	Tidak dapat melaksanakan perancangan	-	-	-	2	4
					(34)	(66)
6.	Tidak pernah gunakan bahan bantu Mengajar	-	-	-	6	-
					(100)	
7.	Tidak menyediakan bahan bantu Mengajar	-	-	-	6	-
					(100)	
8.	Penggunaan bahan tidak membantu Pelajar	-	-	-	3	3
					(50)	(50)
9.	Suka menggunakan buku teks	1	5	-	-	-
		(17)	(83)			
10.	Pengajaran berfokuskan peperiksaan	-	-	1	4	1
				(17)	(50)	(17)

Jadual 4 menunjukkan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Daripada jadual itu didapati kesemua 6 orang responden (100 %) tidak menghadapi masalah untuk mengawal kelas. Data juga menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) mempunyai masa yang cukup untuk merancang pengajaran dan melaksanakan pengajaran sebagaimana yang dirancang. Kesemua responden (100%) didapati merancang pengajaran dan dapat melaksanakan perancangan tersebut. Semua responden juga bersetuju bahawa bahan bantu mengajar (BBM) dan menganggap penggunaan bahan dapat membantu murid walaupun bagaimanapun semua responden lebih gemar menggunakan buku teks. Selain itu semua responden bersetuju bahawa pengajaran yang dijalankan tidak berfokus kepada peperiksaan, melainkan seorang responden yang kurang pasti.

**Soalan kajian pertama :**

**Adakah pensyarah-pensyarah bahasa Arab mempunyai kelayakan untuk mengajar bahasa Arab?**

Dapatan kajian menunjukkan 100% peratus pensyarah yang mengajar bahasa Arab di UiTM Cawangan Melaka mempunyai kelayakan master (sarjana) dan mereka merupakan pensyarah-pensyarah yang membuat pengkhususan bahasa Arab di IPTA dalam dan luar negara.

**Soalan kajian kedua:**

**Adakah pensyarah-pensyarah bahasa Arab bersedia untuk mengajar bahasa Arab?**

Dapatan kajian menunjukkan 100 peratus guru bersedia dan memberi kesanggupan untuk mengajar bahasa Arab. Daripada data pemerhatian juga menunjukkan guru-guru sentiasa bersedia terutamanya dalam merancang pengajaran harian. Satu perkara yang jelas ialah pensyarah-pensyarah menyediakan persediaan harian yang menunjukkan mereka telah bersedia untuk mengajar pada hari berkenaan.

**Soalan kajian ketiga:**

**Adakah pelajar-pelajar bersedia untuk belajar bahasa Arab?**

Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar berminat untuk belajar bahasa Arab. Namun majoriti pelajar didapati belum mengenal apa itu *isim*, *fi'il*, *tashrif fi'il madhi* dan *mudhari*. Ini ialah persepsi yang diberikan oleh responden berdasarkan kepada pengetahuan bahasa Arab yang dimiliki oleh para pelajar. Hampir semua responden menyatakan majoriti murid mereka belum dapat membuat ayat-ayat mudah dalam bahasa Arab. Seterusnya, semua responden juga menyatakan pelajar-pelajar mereka tiada masalah untuk membaca petikan-petikan Arab. Berkaitan menulis perkataan-perkataan Arab pula sebahagian pensyarah 50% menyatakan pelajar mereka tidak menghadapi masalah untuk menulisnya.. Walau bagaimanapun, data pemerhatian dan temu bual menunjukkan terdapat pelajar-pelajar yang belum menguasai kemahiran-kemahiran tersebut.

**Soalan kajian keempat:**

**Adakah pensyarah-pensyarah menghadapi masalah dalam pengajaran bahasa Arab?**

Daripada dapatan kajian didapati majoriti pensyarah tidak menghadapi masalah untuk mengajarkan bahasa Arab. Walau bagaimanapun data pemerhatian menunjukkan pensyarah menghadapi masalah dalam memilih kemahiran dan kandungan pengajaran yang sesuai untuk semua pelajar.

**Soalan kajian kelima:**

**Apakah masalah yang dihadapi oleh pensyarah Bahasa Arab?**

Masalah yang dihadapi oleh pensyarah-pensyarah bahasa Arab ialah disebabkan kebolehan pelajar-pelajar yang berbeza-beza berada dalam satu kelas. Pensyarah-pensyarah tidak dapat menyediakan latihan yang berbeza; iaitu satu latihan untuk kumpulan yang ada asas bahasa Arab dan satu latihan lagi untuk kumpulan yang tiada asas dalam bahasa Arab.

## **PENUTUP**

### **Rumusan**

#### **Keyakinan Pensyarah Untuk Meningkatkan Pengetahuan Pelajar**

Data kajian menjelaskan bahawa semua responden begitu yakin bahawa mereka dapat membantu pelajar meningkatkan pengetahuan bahasa Arab. Hal ini disebabkan semua responden berkenaan mempunyai pengkhususan yang sama.. Berdasarkan data demografi responden, faktor lain yang kemungkinan mempengaruhi keyakinan pensyarah untuk mengajarkan bahasa Arab ialah pengalaman mengajar. Dengan pengalaman yang lama dalam mengajar bahasa Arab, pensyarah-pensyarah tidak menghadapi banyak masalah apabila menyampaikan pengajaran kepada pelajar..

#### **Mengajarkan Bahasa Arab Memerlukan Persediaan Awal**

Majoriti responden bersetuju bahawa mengajarkan bahasa Arab memerlukan persediaan awal. Dalam konteks ini bermakna pensyarah-pensyarah perlu membuat persediaan dari segi perancangan pengajaran, persediaan harian dan juga bahan bantu mengajar yang akan digunakan dalam pengajaran. Walau bagaimanapun, data pemerhatian menunjukkan persediaan yang lebih terancang terutama sebelum sesuatu pengajaran tidak dilaksanakan oleh pensyarah. Tiada perancangan dari segi aktiviti, penyediaan objektif, bahan bantu mengajar dan penggunaannya secara berkesan. Dalam merancang persediaan awal, pensyarah-pensyarah kemungkinan merancang bahan yang akan digunakan tetapi mereka tidak menetapkan langkah-langkah pengajaran yang tersusun kerana objektif pengajaran tidak dinyatakan dengan jelas.

## **CADANGAN**

1. Pengajaran seharusnya melibatkan lebih ramai pelajar.
2. Pelajar-pelajar yang lemah perlu dilibatkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut 'kemampuan' mereka.
3. Penggunaan bahan bantu mengajar perlu dipelbagaikan supaya pelajar-pelajar tidak jemu.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Abdul Talib (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: Prinsip, kaedah dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ainol Madziah Zubairi & Isarji Hj Sarudin. 2009. Motivation to learn a foreign Language in Malaysia, *GEMA Online Journal of Language Studies* 9(2):73-87.
- Azman Che Mat , Goh Ying Soon (2010). *Situasi Pembelajaran Bahasa Asing Di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan Antara Bahasa Arab, Bahasa mandarin Dan Bahasa Perancis*. AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 9-20.
- Cajkler, W., & Addelman, R. (2000). *The practice of foreign language teaching* (Edisi ke-2). London: David Fulton Publishers
- Dewan Bahasa dan Pustaka [DBP]. (1985). *Kamus dwibahasa bahasa Inggeris-bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Evans, J. M. & Brueckner, M. M. (1990). *Elementary social studies teaching for today and tomorrow* [Pengajaran pengajian sosial asas untuk kini dan kemudian hari]. Massachussets: Allyn and Bacon.
- Gagne, R. M. (1985). *The conditions of learning and theory of instruction* (4th ed.) [Kondisi pembelajaran dan teori pengajaran (edisi keempat)]. New York: CBS College Publishing.
- Ghazali Yusri, Muhammad Saiful Anuar, Muhammad Arshad dan Muhammad Sabri (2010). *Persepsi terhadap pensyarah dan hubungannya dengan tahap kawalan kepercayaan pembelajaran pelajar bahasa Arab*. *Jurnal Pendidikan* (33), 3-18
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, (2010). *Sikap Pelajar Terhadap pembelajaran Kemahiran lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*, *GEMA Online Journal of Language Studies*, 10(3)15-29.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, (2010). *Kebimbangan Ujian Dan Motivasi Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab Dalam Konteks Kemahiran Lisan*. AJTLHE Vol. 2, No. 2, July 2010, 46-58
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah, & Ahmed Thalal Hassan (2011). *Kepercayaan jangkaan keupayaan sendiri dalam kalangan pelajar kursus bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM)*. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(1), 81-96. (SCOPUS)
- Ohta, A. S., & Nakaone, T. (2004). *When students ask questions: Teacher and peer answers in the foreign language classroom*. *IRAL, International Review of Applied Linguistics in Language Teaching*, 42(3), 217-237.
- Pintrich, P. R. & Schunk, D. H. 1996. *Motivation In Education: Theory, Research And Applications*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall Inc.
- Rhee, C. R., & Pintrich, P. R. (2004). Teaching to facilitate self-regulated learning. Dlm. O. S. Tan, A. Chang & J. Ee (pnyt.), *Thinking about thinking* (hlmn. 31-47). Singapore: McGraw Hill Education.
- Roberts, J. (1998). *Language teacher education*. London: Arnold
- Sharifah Alwiah Alsagoff. (1983). *Ilmu pendidikan pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Asia

Schunk, D. H. (1991). *Learning theories: An educational perspective* [Teori pembelajaran: Suatu perspektif pendidikan]. New York: Macmillan Publishing Co.

Teuku Iskandar. (1986). *Kamus Dewan. Kuala Lumpur* : Dewan Bahasa dan Pustaka

Yaxley, B.G. 1991. *Developing teachers' theories of teaching*. London: Falmer Press